

Headline	Kerana ibu HIV		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	08 Sep 2017	Circulation	179,231
Section	Global	Readership	537,693
Page No	70	ArticleSize	219 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 8,594
Journalist	N/A	PR Value	RM 25,782
Frequency	Daily		



# Kerana ibu HIV

■ Bayi kembar mati selepas dilahirkan di atas jalan disebabkan hospital enggan terima wanita berpenyakit

Agensi  
New Delhi

**S**epasang kembar yang baru dilahirkan maut selepas ibu mereka yang juga penghidap HIV tidak diberi rawatan di wad bersalin sebuah hospital di Tikamgarh, Madhya Pradesh, Rabu lalu.

Wanita berusia 24 tahun itu dibawa ke hospital pada lewat Selasa (waktu tempatan) selepas mula merasa sakit bersalin.

Bagaimanapun, keluarganya mendakwa hospital berkenaan enggan membantunya selepas melihat laporan patologi mengatakan dia penghidap HIV.

Disebabkan itu, mereka diarahkan membawanya keluar dari wad berkenaan

pada jam 11 malam sama.

Ibu mentua wanita terabit yang enggan dikenali berkata: "Menantu saya menangis kesakitan tetapi mereka enggan merawatnya malah menolaknya keluar dari wad."

"Jururawat dan doktor bertugas berkata, mahu merujuknya ke hospital di bandar Jhansi (100 kilometer dari situ) kerana dia menghidap HIV malah langsung tidak mengendahkan rayuan saya untuk bantuan."

"Kami tiada wang untuk menyewa ambulans bagi membawanya, tetapi mereka tidak peduli," katanya.

Menurutnya, keadaan mangsa semakin terdesak pada jam 3 pagi menyebabkan dia sekeluarga sekali lagi masuk merayu meminta bantuan doktor tanpa dihiraukan.

"Dia terpaksa terus baring di atas lantai sehingga melahirkan kembarnya beberapa jam kemudian."

"Namun kami masih tidak diendahkan dan kedua-dua cucu saya meninggal dunia setengah jam selepas dilahirkan," katanya.

Hospital berkenaan cuma merawat wanita terabit selepas keluarganya

mengugut mengadu kes itu kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, pakar bedah hospital terbabit, R S Dandotiya berkata, pihaknya tidak melakukan kesilapan atau kecualian.

"Wanita itu dijangkiti HIV jadi kami tidak boleh mengambil risiko membawanya di dalam wad bersalin."

"Kami merujuknya ke hospital di Jhansi tetapi mereka enggan membawanya. Bayi berkenaan pula meninggal dunia kerana memang tidak sihat dan tidak cukup bulan," kata-nya.

Sementara itu, menteri kesihatan negeri Sharad Jain berjanji menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

**FAKTA**  
Keluarga tiada wang untuk sewa ambulans bawa ke hospital kain